Go Yu Kin lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 42H-26 TAHUN 2011
SAMSUDIN HASSAN PK
25 OKTOBER 2012

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tiga tuduhan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 — Eksploitasi wanita warganegara asing — Prima facie — Sama ada berjaya dibuktikan — Sama ada terdapat kepincangan dalam kes pendakwaan — Sama ada keraguan berjaya ditimbulkan di akhir kes pembelaan — Hukuman penjara bagi pertuduhan kedua dan ketiga berjalan serentak selepas selesai hukuman pertuduhan pertama — Sama ada hukuman bercanggah dengan undang-undang

Berikutan suatu serbuan yang dibuat di sebuah rumah di Johor Bahru, perayu telah didapati bersalah dan disabitkan kesalahan bagi tiga pertuduhan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ('Akta') di mahkamah sesyen. Perayu didakwa bagi kesalahan mengeksploitasi empat orang wanita iaitu Citra ('SP5'), Lin Idayani ('SP6'), Dewi Marina ('SP7') dan Kristina. Turut ditangkap ialah Tan Bak Seng ('SP2') iaitu tuan rumah premis tersebut kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah s 55E Akta Imigresen 1959/63 iaitu sebagai pelindung. SP5, SP6 dan SP7 telah dieksploitasi oleh perayu dalam bentuk seks tanpa diberikan gaji. Mereka dipaksa melayan dan melacurkan diri masing-masing kepada lelaki-lelaki yang tidak dikenali di pub, lounge dan hotel-hotel. Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen berpuas hati bahawa suatu kes prima facie telah berjaya diwujudkan dan menjatuhkan hukuman 10 tahun penjara ke atas perayu bagi setiap pertuduhan kesalahan. Hukuman penjara bagi pertuduhan kedua dan ketiga ke atas perayu berjalan serentak bermula selepas perayu selesai menjalani hukuman penjara bagi pertuduhan pertama. Ini merupakan rayuan perayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen. Isu-isu yang dibangkitkan adalah sama ada hakim mahkamah sesyen terkhilaf dalam memutuskan bahawa suatu kes prima facie berjaya dibuktikan dan mengarahkan perayu membela diri walaupun terdapat kepincangan-kepincangan; sama ada perayu telah berjaya menimbulkan keraguan di akhir pembelaan; dan sama ada hukuman penjara 10 tahun untuk setiap kesalahan di mana hukuman penjara bagi pertuduhan kedua dan ketiga berjalan serentak selepas menjalani hukuman penjara bagi pertuduhan pertama, bercanggah dengan undang-undang.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes 'prima facie' bagi

pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu. Perayu wajar dipanggil untuk memberikan pembelaan terhadap ketiga-tiga pertuduhan di bawah s 13 Akta. Kesemua alasan pihak pembelaan telah dianalisa dan dirumuskan oleh hakim mahkamah sesyen. Mahkamah akur dengan dapatan hakim mahkamah sesyen berdasarkan keseluruhan keterangan kes ini dan tiada apa-apa kekhilafan fakta atau undang-undang yang boleh mencacatkan keputusannya di akhir keseluruhan kes (lihat perenggan 44).

(2) Keterangan jelas menunjukkan bahawa perayu merupakan orang yang bertanggungjawab mengaturkan pengrekrutan SP5, SP6 dan SP7 masuk ke Malaysia yang kemudiannya bertanggungjawab menerima dan menjemput mereka di lokasi yang telah ditetapkan untuk diangkut dengan kenderaannya sendiri bagi memindah serta memberi perlindungan, penyediaan dan penerimaan ketiga-tiga mangsa tersebut di rumah tempat tinggal perayu (lihat perenggan 16).

(3) Terdapat keterangan kredibel menerusi kesemua keterangan yang jelas menunjukkan perayu merupakan orang yang mengambil kesempatan ke atas mangsa-mangsa SP5, SP6 dan SP7 dengan cara mengajar dan menyuruh mereka bekerja di pub untuk melayan pelanggan. Perayu mendapatkan pendapatan haram hasil perkhidmatan seks yang dilacurkan oleh ketiga-tiga mangsa tersebut atau dengan lain perkataan perayu mengeksploitasi seks ke atas SP5, SP6 dan SP7. Ugutan dan perdayaan perayu ke atas SP5, SP6 dan SP7 disokong kuat oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan (lihat perenggan 26 & 35).

(4) Perayu hanya sekadar membuat penafian semata-mata terhadap bukti-bukti pendakwaan mengenai ketiga-tiga elemen kesalahan di bawah s 13 Akta. Tidak ada sebiji bukti sokongan pun yang boleh mengesahkan penafian perayu. Perayu semata-mata menyalahkan 'Ah Boy' melakukan kesemua kesalahan ini tetapi malangnya 'Ah Boy' tidak dipanggil untuk memberi keterangan menyokong penafian tersebut (lihat perenggan 43).

(5) Hukuman penjara ke atas perayu bagi ketiga-tiga pertuduhan hendaklah berjalan 'consecutively'. Namun oleh kerana kesalahan dilakukan oleh perayu di tarikh, waktu dan tempat yang sama, maka perintah hukuman hakim mahkamah sesyen ke atas perayu dengan 10 tahun penjara untuk pertuduhan pertama dan 10 tahun penjara bagi pertuduhan kedua dan ketiga yang dijalankan serentak selepas berakhirnya 10 tahun penjara bagi pertuduhan pertama dikaji semula dan sebaliknya perayu dikenakan hukuman penjara 10 tahun dikekalkan bagi setiap pertuduhan pertama, kedua dan ketiga tetapi kesemuanya hendaklah berjalan serentak mulai tarikh keputusan (lihat perenggan 54 & 56).

[English summary

Pursuant to an ambush to a house at Johor Bahru, the appellant was found guilty and was convicted for three charges under s 13 of the Anti Trafficking in

Persons Act 2007 ('the Act') by the sessions court. The appellant was charged for exploitation of four women ie Citra ('SP5'), Lin Idayani ('SP6'), Dewi Marina ('SP7') and Kristina. Also arrested was Tank Bak Seng ('SP2') ie the owner of the premise as he was suspected of committing the offence under s 55E of the Immigration Act 1959/63 ie as the protector. SP5, SP6 and SP7 were exploited by the appellant sexually without being paid salary. They were forced to entertain and prostitute themselves to unknown men at the pub, lounge and hotels. At the end of the prosecution case, the sessions court judge was satisfied that a prima facie case was established and imposed a sentence of 10 years imprisonment on the appellant for each offence charged. The sentence of imprisonment for the second and third charges against the appellant was to run concurrently from the date after the appellant completed the term of sentence for the first charge. This was the appellant's appeal against the decision of the sessions court judge. The issues raised were whether the sessions court judge had erred in deciding that a prima facie case had been established and ordered the appellant to enter his defence although there was discrepancies; whether the appellant had successfully raised doubt at the end of the defence case; and whether the sentence of 10 years imprisonment for each offence where the sentence of imprisonment for the second and third charge to run concurrently after the sentence for the first charge, contravened the law.

Held, dismissing the appeal:

(1) The prosecution had successfully proven a prima facie case for the charges against the appellant. The appellant ought to be called to enter his defence on all the three charges under s 13 of the Act. All the grounds of the defence were analsyed and concluded by the sessions court judge. The court agreed with the findings of the sessions court judge based on the totality of the evidence in this case and there was no mistake in fact or law that could make his decision irregular at the end of the whole case (see para 44).

(2) 2The evidence clearly showed that the appellant was the person responsible for arranging the recruitment of SP5, SP6 and SP7 to come into Malaysia and responsible to receive them at the appointed location to be transported in his own transport to transfer as well as give protection, preparation and acceptance of all the three victims at the appellants residence (see para 16).

(3) There was credible evidence by all the evidence which clearly showed that the appellant was the person who had taken opportunity on the victims, SP5, SP6 and SP7 by teaching and asking them to work in a pub to entertain customers. The appellant obtained illegal income from the sexual services given by the three victims or in other words the appellant committed sexual exploitation on SP5, SP6 and SP7. The threat and

deception by the appellant on SP5, SP6 and SP7 was corroborated by the evidence of prosecution's witnesses (see paras 26 & 35).

(4) The appellant had merely denied the prosecution's evidence on the three elements of offence under s 13 of the Act. There was not an iota of corroborative evidence which could confirm the appellant's denial. The appellant merely blamed 'Ah Boy' to have committed the offence but unfortunately 'Ah Boy' was not called to corroborate the denial (see para 43).

(5) The sentence of imprisonment on the appellant for all the three charges must run consecutively. However, as the offence was committed by the appellant on the same date, time and place, thus the sentence by the sessions court judge on the appellant with the sentence of 10 years imprisonment for the first charge and sentence of 10 years imprisonment for the second and third charge to run concurrently after the completion of 10 years imprisonment for the first charge was reviewed and instead the appellant was imposed with the sentence of 10 years imprisonment affirmed for each of the first, second and third charges but all three to run concurrently from the date of the decision (see paras 54 & 56).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 40.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
Hamidon bin Mat Yatim v PP [1995] MLJU 112; [1995] 3 CLJ 724, MT (dirujuk)
Mohamed Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)
PP v Flomarie Jalandoni Lipana (Filipina) (Kes No 62–48–51 Tahun 2010) (dirujuk)
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324 (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 (dirujuk)
PP v Sim Hock Choon (No Kes 62–02 Tahun 2008) (dirujuk)
Vasan Singh v PP [1988 3 MLJ 412; [1989] 1 CLJ 166 (Rep), MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ss 2, 12, 13
Akta Imigresen 1959/63 ss 6(1)(c), 39A(1)(e), 55E, 56(1)(1)
Kanun Acara Jenayah ss 402A, 182A

Md Hazza bin Md Khalid (Hazza Khalid Suraya & Partners) bagi pihak perayu.
Anwar bin Ab Raof (Chuah Syuen Chien bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang) bagi pihak responden.

Samsudin Hassan PK:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen di Johor Bahru yang dibuat pada 15 Jun 2011 di mana perayu telah didapati bersalah dan disabitkan kesalahan berkait tiga pertuduhan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ('Akta') yang boleh dihukum di bawah seksyen undang-undang yang sama.

[2] Hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu ialah sepuluh tahun penjara bagi setiap pertuduhan kesalahan. Di sini hukuman penjara bagi pertuduhan kedua dan ketiga tersebut dikehendaki berjalan serentak bermula selepas perayu selesai menjalani hukuman penjara bagi pertuduhan pertama.

PERTUDUHAN-PERTUDUHAN

[3] Tiga pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu di antara 1 Julai 2009 dan 21 Ogos 2009, jam lebih kurang 5.00 petang hingga 5.00 pagi di rumah beralamat No.: 17, Jalan Kamunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah memperdagangkan orang terhadap, lin Indayani Ngatimin, warganegara Indonesia, Paspot No. tiada, yang berumur 24 tahun, bagi maksud eksploitasi dengan cara penggunaan kekerasan dan ancaman dan dengan demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu di antara 1 Julai 2009 dan 21 Ogos 2009, jam lebih kurang 5.00 petang hingga 5.00 pagi di rumah beralamat No.: 17, Jalan Kamunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah memperdagangkan orang terhadap, Citra, warganegara Indonesia, Paspot No. tiada, yang berumur 20 tahun, bagi maksud eksploitasi dengan cara penggunaan kekerasan dan ancaman dan dengan demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Pertuduhan Ketiga:

Bahawa kamu di antara 1 Julai 2009 dan 21 Ogos 2009, jam lebih kurang 5.00 petang hingga 5.00 pagi di rumah beralamat No.: 17, Jalan Kamunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul

Takzim, telah memperdagangkan orang terhadap, Dewi Marina, warganegara Indonesia, Paspot No. tiada, yang berumur 23 tahun, bagi maksud eksploitasi dengan cara penggunaan kekerasan dan ancaman dan dengan demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

FAKTA RINGKAS KES

[4] Fakta ringkas kes adalah seperti berikut:

(a) pada 1 September 2009 jam lebih kurang 4.40 petang Encik Jeffri bin Nasir ('SP3') iaitu seorang pegawai kanan imigresen telah mengetuai suatu serbuan ke atas sebuah rumah beralamat No 02–11, Blok 9, Jalan Mewah Ria 2/2, Taman Bukit Mewah, Johor Bahru. Hasil pemeriksaan dalam rumah ini membawa kepada penangkapan empat orang wanita warganegara Indonesia. Mereka ialah:

(i) Citra ('SP5');

(ii) lin Idayani ('SP6');

(iii) Dewi Marina ('SP7'); dan

(iv) Kristina.

(b) SP5 dan SP6 ditangkap kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah s 6(1)(c) Akta Imigresen 1959. Manakala Kristina pula ditangkap kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah s 56(1)(1) Akta Imigresen 1959. Turut ditangkap ialah seorang lelaki Cina bernama Tan Bak Seng (SP2) iaitu tuan rumah premis tersebut kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah s 55E Akta Imigresen 1959 iaitu sebagai pelindung. Laporan polis tentang serbuan dan tangkapan ini telah dibuat oleh SP3 pada 2 September 2009 jam 1.10 pagi (P3);

(c) susulan daripada itu soal siasat dilakukan oleh pihak jabatan imigresen ke atas SP5, SP6 dan SP7 menunjukkan mulai seawal mereka menjejak kaki di bumi Negeri Johor ini telah diterima dan diangkut oleh perayu dengan kenderaan beliau sendiri daripada lokasi ketibaan mereka terus ke tempat tinggal perayu di rumah No 17, Jalan Kamunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru. Selama tinggal di premis tersebut pergerakan mereka sentiasa diawasi oleh perayu dengan cara menghindar mereka daripada memiliki kunci premis itu dan menempatkan seekor anjing besar jenis kacukan Rotweiller betul-betul berhampiran dengan pintu keluar — masuk bilik mereka bertiga di rumah tersebut. Lagipun kawasan rumah perayu tempat tinggal SP5, SP6 dan SP7 itu adalah dikelilingi oleh pagar yang tinggi dan pintu pagarnya sentiasa bertutup dan berkunci;

(d) kehidupan SP5, SP6 dan SP7 ketika itu diatur dan dieksploitasi oleh perayu berbentuk seks di mana mereka dipaksa melayan dan melacur diri

kepada lelaki-lelaki yang tidak dikenali di Pub Apollo One atau di Dung Jin Musical Lounge dan berakhir di Hotel Wato Inn atau mana-mana hotel yang menjadi tempat pertemuan dan melepaskan nafsu syahwat pelanggan masing-masing. Segala bayaran hasil daripada eksploitasi seks tersebut akan diambil oleh perayu dengan cara kutipan menggunakan individu-individu suruhan beliau. Sejak diatur melakukan eksploitasi seks ini SP5, SP6 dan SP7 tidak pernah diberikan apa-apa gaji pun dan mereka semua hidup semata-mata bergantung kepada wang saguhati yang diberikan oleh pelanggan lelaki yang berpuashati dengan perkhidmatan seks yang dikecapinya selama ini;

(e) pergerakan fizikal SP5, SP6 dan SP7 memangnya tersekat apabila paspot mereka disimpan dan dipegang oleh perayu tiap kali mereka dihantar oleh perayu atau orang suruhannya untuk melacurkan diri di tempat-tempat perjumpaan berkenaan. Pada masa-masa yang lain pula SP5, SP6 dan SP7 sentiasa diugut dan diancam oleh perayu akan melaporkan pada pihak berkuasa imigresen sekiranya mereka cuba atau berhajat melarikan diri dari pengawasan dan cengkaman beliau;

(f) menurut SP5, SP6 dan SP7 bertitik tolak daripada semua kejadian itulah mereka dengan bantuan Kristina dan SP2 telah melarikan diri daripada rumah perayu pada 22 Ogos 2009 dan langsung tinggal di premis SP2 sehinggalah ditangkap oleh pihak imigresen pada 1 September 2009; dan

(g) jadi hasil maklumat yang diperolehi daripada SP5, SP6 dan SP7 inilah Puan Afeza bt Ahmad (SP10) iaitu pegawai penyiasat kes mempercayai bahawa mereka semua adalah merupakan mangsa pemerdagangan orang di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan lalu membuat suatu laporan polis bertarikh 4 September 2009 (eksh P18).

ALASAN RAYUAN

[5] Peguambela bijaksana perayu telah mengemukakan pelbagai alasan menyokong hujah bahawa perintah sabitan patut diketepikan dan hukuman dipertimbangkan semula dan antaranya dirangkumkan seperti berikut:

(a) hakim mahkamah sesyen dikatakan terkhilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah pun berjaya membuktikan suatu kes prima facie dan mengarahkan perayu membela diri sungguhpun terdapat kepincangan-kepincangan seperti disenaraikan di bawah ini:

(i) gagal mengambil kira bahawa perayu bukanlah orang yang melakukan rekrutment ke atas SP5, SP6 dan SP7;

(ii) gagal mengambil kira fakta bahawa perayu bukanlah orang yang bertanggungjawab ke atas pengangkutan bagi tujuan melakukan kesalahan di bawah s 13;

(iii) tidak mengambil kira fakta bahawa perayu bukanlah orang yang mengeksploitasi SP5, SP6 dan SP7 secara paksaan, ancaman dan ugutan supaya bekerja sebagai pelacur dan tidak dibayar gaji;

(iv) gagal mengambil kira bahawa pihak pendakwaan tidak mengemukakan lain-lain fakta untuk membuktikan SP5, SP6 dan SP7 bekerja sebagai pelacur;

(v) gagal mengambil kira bahawa premis di mana kegiatan pelacuran berlaku tidak dibuktikan;

(vi) tidak dibuktikan siapakah majikan kepada SP5, SP6 dan SP7 dan pemilik premis di mana kegiatan pelacuran dikatakan berlaku;

(vii) tidak dibuktikan juga siapakah pelanggan-pelanggan kepada SP5, SP6 dan SP7;

(viii) tidak dibuktikan fakta pengurungan;

(ix) tidak ada apa-apa ancaman dan kekerasan ke atas SP5, SP6 dan SP7 telah dilakukan oleh perayu;

(x) perayu bukanlah orang yang menyimpan paspot SP5, SP6 dan SP7;

(xi) kontrak kerja SP5 dan SP6 bukanlah dibuat oleh perayu dan tidak dikemukakan ke Jabatan Kimia untuk dianalisa bagi mengaitkan perayu dengan dokumen tersebut;

(xii) gagal mengambil kira bahawa SP7 ada menggunakan paspot untuk keluar dan masuk negara;

(xiii) gagal mengambil kira bahawa penyiasatan yang dilakukan oleh pegawai penyiasat adalah tidak lengkap dan terperinci; dan

(xiv) gagal mengambil kira bahawa adalah beban pihak pendakwaan untuk memanggil saksi-saksi penting membuktikan kes di akhir kes pendakwaan dan saksi-saksi yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

(A) Ah Boy;

(B) pemilik berdaftar premis Dung Jin Pub;

(C) penama Ho Weng Leong yang tertera pada bil elektrik (P22);

(D) penama Lim Mah Huat yang tertera pada bil SAJ (P23);

(E) penama Kristina yang ditangkap bersama SP5, SP6 dan SP7; dan

A (F) pemilik Hotel Wato Inn.

(b) hakim mahkamah sesyen dikatakan terkhilaf apabila gagal mengambil kira bahawa perayu telah berjaya menimbulkan keraguan di akhir pembelaan atas alasan-alasan berikut:

B (i) perayu mempunyai pekerjaan dan sumber pendapatan yang sah;

(ii) perayu kerap meninggalkan rumah dan tidak balik untuk beberapa hari memancing dan beliau tidak pun mengawal dan mengurung SP5, SP6 dan SP7 dalam tempoh tersebut;

C (iii) keterangan SD3 dan SD4 yang menyokong fakta bahawa perayu sentiasa keluar rumah untuk memancing beberapa hari;

(iv) perayu selalu keluar rumah untuk memancing telah disokong oleh keterangan SP5 semasa kes pendakwaan;

D (v) SP5, SP6 dan SP7 tidak dikurung malah bebas keluar masuk rumah semasa ketiadaan perayu;

(vi) SD2 di dalam keterangannya mengakui ada mengambil dan menghantar SP5, SP6 dan SP7 ke rumah dan ke destinasi lain dengan bebas;

E

(vii) anjing perayu yang dikatakan telah digunakan untuk mengancam SP5, SP6 dan SP7 telah tidak dibuktikan; dan

(viii) kredibiliti SP5 meragukan kerana beliau mengakui mempunyai hubungan intim dengan perayu dan untuk membuktikannya pihak pembelaan ada mengemukakan keterangan bahawa SP5 setelah dihantar pulang ke negara asalnya Indonesia masih menghubungi perayu;

F

(c) hakim mahkamah sesyen dikatakan terkhilaf apabila menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun untuk setiap kesalahan di mana hukuman penjara bagi pertuduhan kedua dan ketiga berjalan serentak selepas menjalani hukuman penjara bagi pertuduhan pertama dan ini tidak mengikut peruntukan undang-undang.

G

H

ANALISA KE ATAS ALASAN-ALASAN DI ATAS

[6] Alasan-alasan di atas akan dibincangkan satu persatu seperti berikut:

I

Alasan kekhilafan pertama

[7] Bagi alasan pertama petisyen sepertimana di perenggan (a) item (i)–(xiv) di atas dirangkumkan sekali sebagai isu 'prima facie' di akhir kes pendakwaan.

[8] Bagi pertuduhan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ini elemen-elemen (*ingredients*) kesalahan yang perlu dibuktikan ialah: **A**

(a) perayu di tempat, masa dan tarikh sepertimana dalam pertuduhan telah melakukan kesalahan memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak; **B**

(b) kesalahan dilakukan oleh perayu bagi maksud eksploitasi; dan

(c) eksploitasi tersebut dibuat dengan cara dalam bentuk paksaan (mengugut) dan perdayaan. **C**

Elemen pertama kesalahan

[9] SP5, SP6 dan SP7 di dalam nota keterangan deposisi masing-masing (eksh P4 di ms 451–548 di dalam rekod rayuan Jilid 2) membuktikan kesemua mereka telah berusia 20 tahun ke atas iaitu sudah dewasa dan bukan lagi seorang kanak-kanak. **D**

[10] 'Pemerdagangan orang' atau 'memperdagangkan orang' ditakrifkan oleh s 2 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 sebagai perekrutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan atau penerimaan seseorang bagi maksud eksploitasi. **E**

[11] Sekali lagi mengikut deposisi SP5 di ms 451–454 rekod rayuan Jilid 2 menyatakan di Palembang, Indonesia, seorang penama 'Ari' menawarkan kerja menghantar makanan di restoran di Malaysia. Lalu Ari menghubungi penama 'Ardi Husni' agar membawa SP5 ke Jambi dan berikutnya ke Batam untuk diserahkan kepada penama 'Mak Duk'. Seterusnya dari Batam SP5 dihantar ke Tanjung Pinang untuk diambil oleh penama 'Ibu Sri'. Dari situ kemudiannya SP5 dihantar pula oleh seorang lelaki ke Pelabuhan Selat Panjang untuk pembikinan paspot perjalanan ke Batu Pahat, Malaysia di mana lalu dijemput dan diambil oleh Alex (perayu) pada 17 Jun 2009 dengan kenderaannya sendiri untuk dibawa pulang dan ditempatkan di rumah beliau di alamat No 17, Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, Johor sehinggalah pada 22 Ogos 2009 iaitu tarikh SP5 melarikan diri daripada rumah itu. **F** **G** **H**

[12] SP6 pula di dalam keterangannya di ms 513516 rekod rayuan Jilid 2 menyatakan semasa di Indonesia beliau ditawarkan kerja sebagai pegawai restoran dengan gaji sebanyak RM500 di Malaysia. Pada mulanya SP6 dibawa oleh 'Ibu Wanda' ke Batam dan dari situ ke Tanjung Pinang tinggal bersama-sama 'Ibu Sri'. Kemudiannya seorang lelaki yang tidak dikenalinya menghantar SP6 ke Pelabuhan Selat Panjang untuk pembikinan paspot masuk ke Batu Pahat, Malaysia. Setibanya di Batu Pahat, SP6 sepatutnya **I**

menghubungi nombor telefon perayu yang diberikan oleh 'Ibu Sri' semasa bermalam di Tanjung Pinang ataupun alternatifnya mengambil teksi untuk dihantar ke Larkin. Pada 23 Jun 2009, SP6 dijemput dan diambil oleh 'Ah Boy' iaitu pemandu perayu di Larkin menaiki kereta sedannya lalu dihantar dan ditempatkan di rumah perayu beralamat No 17, Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, Johor sehinggalah beliau melarikan diri dari rumah tersebut pada 22 Ogos 2009.

[13] Akhir sekali SP7 di dalam keterangannya di ms 531 rekod rayuan Jil 2 menyatakan semasa di Medan, Indonesia, penama 'Amy' menawarkan kepada beliau pekerjaan sebagai 'waitress' menghantar minuman kepada pelanggan di pub dengan gaji RM500 di Malaysia. Pada mulanya 'Amy' menghantar SP7 ke Tanjung Pinang untuk menyiapkan paspot tujuan masuk ke Malaysia. Dari Tanjung Pinang kemudiannya SP7 dihantar ke Batam lalu menaiki feri menuju ke Pasir Gudang, Johor, Malaysia. Pada 13 Febuari 2009 SP7 sampai di Pasir Gudang dan sepertimana yang telah dijanjikan oleh 'Amy' di situ SP7 didatangi dan dijemput oleh perayu dengan kereta persendiriannya nombor pendaftaran JFA 787 lalu terus membawa SP7 pulang ke rumah tempat tinggal perayu di alamat nombor 17, Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, Johor sehinggalah SP7 dapat melarikan diri dari rumah tersebut pada 22 Ogos 2009.

[14] Keterangan SP5, SP6 dan SP7 mengenai tempat, tarikh dan tempoh kejadian ini disokong oleh saksi-saksi pendakwaan yang lain iaitu Tan Bak Seng (SP2) atau nama panggilannya 'Botak'; Mohammad Fadly bin Ayub (SP8) iaitu Pembantu Pegawai Penguatkuasa Imigresen; Baharuddin bin Muhammad (SP9) iaitu juga Penolong Pegawai Penyiasat Imigresen Johor Bahru dan Hasim bin Japar (SP11) iaitu Pegawai Imigresen tertinggi menyiasat kes-kes imigresen dan kes-kes di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

[15] Keterangan daripada saksi-saksi di atas itu juga disokong oleh keterangan dokumentar sepertimana di eksh P5(A)–(D) menunjukkan gambar kereta nombor pendaftaran JFA 787 yang diguna pakai oleh perayu untuk mengangkut SP5, SP6 dan SP7; eksh P6(A)–(M) menunjukkan gambar rumah perayu digunakan untuk menempatkan mangsa-mangsa SP5, SP6 dan SP7; eksh P8–P9 membuktikan terdapatnya kontrak kerja SP5 dan SP6 yang diaturkan oleh perayu dan ketika rampasan dalam milikan beliau; eksh P11–P13 iaitu kenyataan percakapan SP5, SP6 dan SP7 yang dirakamkan di bawah s 39A(1)(e) Akta Imigresen 1959/63 yang mengesahkan semua fakta kejadian; eksh P18 Laporan Polis JBS/016409/09 bertarikh 4 September 2009 oleh Afeza bt Ahmad iaitu Timbalan Penolong Pengarah Imigresen berkait tiga mangsa SP5, SP6 dan SP7 di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan akhir sekali eksh P20 iaitu pelan lakar rumah perayu No 17, Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, Johor.

[16] Jadi berdasarkan semua keterangan di atas tersebut jelas menunjukkan perayu adalah merupakan orang yang bertanggungjawab mengaturkan pengrekrutan SP5, SP6 dan SP7 masuk ke tanah air Malaysia yang kemudiannya bertanggungjawab menerima dan menjemput mereka di lokasi yang telah ditetapkan untuk diangkut dengan kenderaan beliau sendiri nombor pendaftaran JFA 787 bagi memindah serta diberi perlindungan, penyediaan dan penerimaan ketiga-tiga mangsa tersebut di rumah tempat tinggal perayu No 17, Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, Johor.

[17] Dirumuskan penjelasan di atas telah menjawab alasan petisyen pembelaan sepertimana di perenggan a(i)–(iii).

[18] Oleh itu mahkamah memutuskan memang terdapat keterangan yang kredible membuktikan elemen pertama kesalahan bagi pertuduhan berkenaan.

Elemen kedua kesalahan

[19] Perayu melakukan kesalahan memperdagangan SP5, SP6 dan SP7 sepertimana yang telah diperjelaskan dengan terperincinya di atas tadi bagi maksud 'eksploitasi'.

[20] Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 memberi takrifan 'eksploitasi' seperti berikut:

> 'Eksploitasi' termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

[21] Perkataan 'segala bentuk eksploitasi' sepertimana di takrifkan di bawah s 2 Akta tersebut terbawa kita kepada maknanya 'exploitation' di dalam *Deluxe Black's Law Dictionary* seperti di bawah berikut:

> taking unjust advantage of another for one's own advantage or benefit

[22] Di sini mengikut deposisi SP5 di ms 453 dalam rekod rayuan Jilid 2 telah menyatakan semasa tinggal di rumah No 17, Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, Johor, beliau telah diatur dan disuruh oleh perayu bekerja melayan tetamu iaitu 'stim-stim' kan mereka seperti bercium, menjilat telinga, cium buah dada, menghisap kemaluan di Pub Apollo One dan sekiranya tetamu sudah bernafsu maka bayaran dibuat kepada 'Kapten' untuk melakukan persetubuhan seks di hotel-hotel atau rumah pelanggan (lihat ms 456 rekod rayuan Jilid 2). SP5 juga dalam keterangannya di ms 467 dalam rekod rayuan Jilid 2 mengesahkan beliau tidak mendapat apa-apa gaji atau

bayaran pun dari kerja-kerja yang dilakukan itu sungguhpun perayu ada berjanji berbuat demikian baik secara lisan dan juga bertulis sepertimana kontrak kerja di eksh P8.

[23] Begitu juga SP6 di dalam keterangannya di ms 516–517 rekod rayuan Jilid 2 menyatakan semasa tinggal di rumah No 17, Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, Johor, beliau telah disuruh oleh perayu bekerja bersama-sama dengan SP5 dan SP7 melayan tetamu kebiasaannya suami orang dan lain-lain lelaki menaikkan 'stim' mereka lalu membawa bersetubuh. Sepanjang bekerja dengan perayu ini SP6 tidak pernah menerima apa-apa bayaran setelah melacurkan dirinya kecuali pelanggan bagi sedikit 'tips' sungguhpun perayu ada berjanji kontrak kerja pada mula-mula beliau sampai di Johor Bahru sepertimana di dalam eksh P9.

[24] SP7 pula di dalam keterangannya di ms 532–533 rekod rayuan Jilid 2 menyatakan semasa tinggal di rumah No 17, Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, Johor, beliau telah diajar oleh perayu cara-cara melayan pelanggan iaitu merayu-rayu pada pelanggan, pegang-pegang tangan sampai mereka naik 'stim' dan kemudian mengajak mereka naik ke atas dalam bilik di hotel pub. SP7 telah diatur oleh perayu bekerja di Dung Jin Pub. Di situ SP7 melayani pelanggan seperti hubungan suami-isteri iaitu masuk dalam bilik hotel pub lalu buka-buka baju kemudian tidur bersama dan pada masa itulah pelanggan menyuruh SP7 menaikkan 'stim' mereka sebelum melakukan persetubuhan. Sepanjang melacurkan dirinya dengan pelanggan SP7 tidak pernah menerima apa-apa gaji atau bayaran daripada perayu melainkan pelanggan hanya memberi sedikit 'tips' setelah menerima perkhidmatan seks tersebut sungguhpun perayu pernah berjanji kepada SP7 akan memberi gaji hasil pekerjaan sebagai 'waitress' sahaja bukannya menjual tubuh pada pelanggan.

[25] Semua keterangan SP5, SP6 dan SP7 di atas itu disokong oleh Tan Boh Seng (SP1) iaitu Kapten di Apollo Bar yang mengesahkan ketiga-tiga mangsa tersebut memang ada bekerja di pub berkenaan melayan pelanggan-pelanggan dan kenyataan ini juga disokong oleh SP2 yang menolong SP5, SP6 dan SP7 melarikan diri dari dipaksa oleh perayu bekerja melacur diri pada pelanggan-pelanggan di pub tersebut. SP9, SP10 dan SP11 semuanya pegawai imigresen mengesahkan hasil siasatan mereka melalui gambar-gambar eksh P7(A)–(H) memang wujudnya Pub Apollo One atau Ding Jin Musical Lounge atau Hotel Wato Inn di alamat No 15P, 15Q, 15R dan 15T, Jalan Bukit Meldrum, 80300 Johor Bahru, Johor, melalui keterangan dokumentar iaitu carian maklumat perniagaan Dung Jin Musical Lounge (eksh P21), carian maklumat bil bulanan elektrik di alamat berkenaan (eksh P22) dan akhir sekali carian maklumat rekod penggunaan air oleh SAJ Holdings Sdn Bhd di alamat yang sama tersebut (eksh P22).

[26] Jadi berdasarkan semua keterangan di atas itu jelas menunjukkan perayu adalah merupakan orang yang mengambil kesempatan ke atas mangsa-mangsa SP5, SP6 dan SP7 dengan cara mengajar dan menyuruh mereka bekerja di pub untuk melayan pelanggan hingga menyerahkan kehormatan dengan mengadakan persetubuhan untuk keuntungan perayu mendapatkan pendapatan haram hasil perkhidmatan seks yang dilacurkan oleh ketiga-tiga mangsa tersebut atau dengan lain perkataan perayu mengeksploitasi seks ke atas SP5, SP6 dan SP7.

[27] Berdasarkan penjelasan di atas itu dengan sendirinya telah mencukupi menjawab alasan petisyen pihak pembelaan sepertimana di perenggan a(iv)–(viii) dan (xiv).

[28] Oleh itu mahkamah memutuskan memang terdapat keterangan kredible membuktikan elemen kedua kesalahan bagi pertuduhan berkenaan.

Elemen ketiga kesalahan

[29] Eksploitasi seks yang dilakukan oleh perayu tersebut adalah dengan cara paksaan (mengugut) dan perdayaan ke atas SP5, SP6 dan SP7.

[30] Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 memberi takrifan 'paksaan' seperti berikut:

> Paksaan ertinya —
>
> (a) Ancaman kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang.
>
> (b) Apa-apa skim, rancangan atau corak yang diniatkan untuk menyebabkan seseorang untuk mempercayai bahawa kegagalan untuk menjalankan sesuatu perbuatan akan mengakibatkan kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang; atau
>
> (c) Penyalahgunaan atau ancaman penyalahgunaan proses undang-undang.

[31] Malahan s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 juga memperuntukkan kesalahan memperdagangkan orang bagi maksud eksploitasi boleh terjadi dengan satu cara atau lebih.

[32] Mengikut keterangan SP5 di ms 456–470 dan SP6 di ms 513–530 serta SP7 di mst 539–548 di dalam rekod rayuan Jilid 2 bahawa semenjak beliau dan SP6 dan SP7 bertapak di rumah No 17, Jalan Kemunting, Taman Kebun Teh, Johor Bahru, Johor sentiasa diawasi oleh perayu yang mengurungkan ketiganya di dalam bilik rumah dengan tingkap digrill serta semua pintu keluar dikunci rapat dan diperkarangan rumah dibela anjing kacukan Rotweiller

bersaiz besar untuk menakutkan mereka, SP5, SP6 dan SP7 juga dinafikan kunci rumah untuk kemudahan keluar masuk.

[33] Semasa bekerja di pub ketiga-tiga SP5, SP6 dan SP7 dibenarkan membawa paspot namun disitu pergerakan mereka sentiasa diawasi oleh 'Kapten'. Lagipun sebaik sahaja mereka di'booking' oleh pelanggan pub untuk perkhidmatan seks di hotel-hotel di luar maka pemandu perayu bernama 'Ah Boy' akan menyimpan paspot-paspot mereka. Begitu juga ketika SP5, SP6 dan SP7 ber'shopping' perayu sendiri atau 'Ah Boy' akan pastikan paspot mereka ditahan dan disimpan untuk mengelak ketiga-tiga mereka membolosi daripada pengawasan. Setiap pergerakan mereka di luar rumah pengangkutannya disediakan oleh perayu atau 'Ah Boy'. SP5, SP6 dan SP7 tidak mempunyai peluang untuk melarikan diri kerana mengikut mereka diancam oleh perayu akan memukul, melaporkan kepada pihak berkuasa untuk ditangkap atau mengenakan caj segala kos yang ditanggung terdahulu oleh perayu untuk membawa mereka masuk ke Malaysia.

[34] Mengikut keterangan SP5, SP6 dan SP7 juga mereka semua pada awalnya dijanjikan pekerjaan yang halal tetapi apabila dibawa perayu duduk bersamanya di Kebun Teh, Johor Bahru, mereka telah diperalatkan untuk memberi perkhidmatan seks kepada pelanggan pub di mana tidak diberi bayaran sesenpun dan wang itu sebaliknya diatur oleh perayu sendiri untuk dikutip kemudian oleh 'Ah Boy' atau kapten-kapten pub bertentangan dengan perjanjian lisan dan bertulis yang dipaksa perayu ke atas ketiga-tiga mangsa tersebut.

[35] Ugutan dan perdayaan perayu ke atas SP5, SP6 dan SP7 ini disokong kuat oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain iaitu SP2, SP3, SP8 hinggalah SP11 (pegawai penyiasat kes).

[36] Jadi jelas di sini keterangan keseluruhannya membuktikan cara mangsa-mangsa telah dieksploitasikan adalah melalui ugutan dan perdayaan sejajar dengan nas undang-undang dalam kes *Public Prosecutor v Flomarie Jalandoni Lipana (Filipina)* yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen Putrajaya (Kes No 62–48–51 Tahun 2010) di mana lima perempuan Filipina telah dijanjikan untuk bekerja sebagai 'waitress' dan 'receptionist' di sebuah kelab tetapi telah dieksploitasi melacurkan diri atas alasan untuk membayar balik perbelanjaan tambang ke Malaysia.

[37] Fakta kes kita ini sama juga macam dalam kes *Public Prosecutor v Sim Hock Choon* yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen Miri, Sarawak (No Kes 62–02 Tahun 2008) di mana dua perempuan warga Thai dijanjikan bekerja di pusat karaoke tetapi ditipu dan dipaksa bekerja sebagai pelacur di salun dan

juga diugut akan dihantar balik ke Thailand. OKT di sini dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun di bawah s 12 Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

[38] Berdasarkan keterangan di atas itu maka dengan sendirinya telah menjawab alasan petisyen pihak pembelaan sepertimana di perenggan a(iv) dan (ix)–(xiv).

[39] Oleh itu mahkamah memutuskan memang terdapat keterangan kredible membuktikan elemen ketiga kesalahan iaitu paksaan (mengugut) dan perdayaan bagi pertuduhan berkenaan.

[40] Pada keseluruhannya mahkamah berpuashati dan akur dengan kesimpulan yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakiman di ms 18–21 rekod rayuan Jilid 1 bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes 'prima facie' berkait pertuduhan-pertuduhan yang telah dikenakan terhadap perayu. Maka dalam keadaan sedemikian wajarlah perayu di sini dipanggil untuk memberikan pembelaan terhadap tiga petuduhan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Alasan kekhilafan kedua

[41] Bagi alasan kedua petisyen sepertimana di perenggan (b) item (v)–(viii) di atas dirangkumkan sekali sebagai isu pembelaan diakhir keseluruhan kes.

[42] Mahkamah bersandarkan pada peruntukan di bawah s 182A Kanun Acara Jenayah yang memperuntukan tugas mahkamah di akhir kes pembelaan. Dan mahkamah ini juga sedia maklum bahawa sungguhpun pihak pendakwaan mempunyai beban pembuktian kes melampaui keraguan munasabah namun tugas pihak pembelaan adalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah sahaja. Di dalam kes Mahkamah Agung *Mohamed Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169:

> It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accussed for the offence with which he is charged. There is no similar burden on the accussed to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, he merely has to cast a reasonable doubt.

[43] Keraguan munasabah (*reasonable doubt*) telah diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 yang mana Sharma J berkata:

A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[44] Mahkamah dapati semua alasan petisyen pihak pembelaan telah pun dianalisa dan dirumuskan oleh hakim mahkamah sesyen di dalam alasan penghakimannya di ms 21–24 dalam rekod rayuan Jilid 1. Mahkamah akur dengan dapatan hakim mahkamah sesyen itu berdasarkan keseluruhan keterangan (*totality of evidences*) kes ini dan tiada apa-apa kekhilafan fakta atau undang-undang yang boleh mencacatkan keputusannya di akhir keseluruhan kes.

[45] Setelah mengkaji semula keterangan pembelaan perayu berbanding dengan kes pendakwaan adalah dirumuskan perayu hanya sekadar membuat penafian semata-mata terhadap semua bukti-bukti pendakwaan mengenai ketiga-tiga elemen (*ingredients*) kesalahan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ini. Tidak ada sebiji bukti sokongan pun yang boleh mengesahkan penafian perayu tersebut. Perayu semata-mata menyalahkan 'Ah Boy' melakukan kesemua kesalahan ini tetapi malangnya 'Ah Boy' tidak dipanggil pun untuk memberi keterangan menyokong penafian tersebut. Barang diingat prinsip yang diputuskan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 bahawa 'while one is the legal burden on the presecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accussed to raise a reasonable doubt …'

[46] Bergabung dengan prinsip tersebut itu jangan lupa juga apa yang diputuskan oleh mahkamah dalam kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324 dinyatakan seperti berikut:

a mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not suffifient.

[47] Seperkara lagi pembelaan juga ada menimbulkan dua isu baru diperingkat ini seperti di bawah berikut:

(a) perayu menyatakan bahawa Joo Ah Chai @ Joo Kio Tha iaitu pemandu teksi ada mengambil dan membawa keluar mangsa SP5, SP6 dan SP7; dan

(b) saksi-saksi pembelaan Encik Azman bin Sudin (SD3) dan Encik Ahmad bin Ab Rahman (SD4) ada memancing bersama-sama perayu.

[48] Apabila dikaji semula keseluruhan keterangan kes ini adalah dirumuskan dua isu di atas yang melibatkan penama-penama di atas merupakan pertama kali ditimbulkan semasa perayu memberi keterangan dan ianya tidak pernah disoal dalam pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwaan.

Oleh yang demikian teras pembelaan perayu di sini telah meletakkan elemen-elemen kejutan kepada pihak pendakwaan. Dengan lain perkataan pembelaan perayu mengenai kedua-dua isu di atas tersebut adalah merupakan satu 'after thought' yang langsung tidak boleh diterima oleh mahkamah sepertimana yang telah diputuskan dalam kes *Hamidon bin Mat Yatim v Public Prosecutor* [1995] MLJU 12; [1995] 3 CLJ 724 seperti berikut:

> … question were not put to Rasul in the course of cross-examination … and subsequently, they can be dismissed as a mere afterthought.

[49] Akhir sekali perayu di peringkat pembelaan baru pertama kali timbul isu kononnya beliau banyak membuang masa melakukan aktiviti memancing bersama-sama SD3 dan SD4 dan oleh itu menafikan terlibat dengan ketiga-tiga elemen kesalahan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Pada hemah mahkamah keterangan perayu sedemikian adalah lebih kepada bersifat 'alibi'.

[50] Seksyen 402A Kanun Acara Jenayah ('KAJ') memperuntukkan sedemikian:

> 402A Notice to be given of defence of alibi:
>
> (1) Where in any criminal trial the accussed seeks to put forward a defence of alibi, evidence in support of it shall not be admitted unless the accussed shall have given notice in writing of it to the Public Porsecutor at least ten days before the commencement of the trial.
>
> (2) The notice required by subsection (1) shall include particulars of the place where the accussed claims to have been at the time of the sommission of the offence with which he is charged, together with the names and addresses of any witnesses whom he intends to call for the purpose of establishing his alibi.

[51] Di dalam kes semasa ini tidak pernah pada bila-bila masa perayu telah mengemukakan notis alibi. Di dalam kes *Vasan Singh v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 412; [1989] 1 CLJ 166 (Rep) Mahkamah Agung memutuskan adalah *mandatori* untuk mematuhi seksyen ini.

[52] Jadi isu memancing ini bukan sahaja tersekat kerana ianya pembelaan 'afterthought' tetapi juga dilarang perayu menggunakannya sebagai pembelaan 'alibi'.

[53] Atas dasar itu mahkamah memutuskan pembelaan perayu gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan. Secara kumulatifnya pula mahkamah berpuashati pendakwaan memang telah berjaya

membuktikan kes ke tahap melampaui keraguan yang munasabah bagi pertuduhan ke atas perayu di sini didapati bersalah dan dikekalkan sabitan terhadap pertuduhan.

[54] Seterusnya hukuman yang berat perlu diutamakan sungguhpun pada masa yang sama faktor mitigasi hendaklah juga diberi pertimbangan sewajarnya memandangkan kesalahan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ini amat serius dan apatah lagi apabila ia melibatkan mangsa-mangsa SP5, SP6 dan SP7 berwarganegara asing yang dipaksa dan diperdayakan untuk melacurkan diri dalam kegiatan seks di kalangan pelanggan pub dan di hotel-hotel tempatan. Impak ke atas mangsa-mangsa ini boleh mengakibatkan kecederaan mental membawa kepada 'phobia' yang teramat sangat. Lagipun kegiatan haram pemerdagangan orang ini diawasi keseriusannya berdasarkan 'watch lists' berasas kepada '3 tiers' dan buat masa kini Malaysia di 'tiers 2'. Jadi sekiranya kegiatan haram ini tidak dibendung dan berleluasa maka lambat laun Malaysia akan jatuh ke 'tier 3' dalam kacamata 'watch list' dan ini akan pasti menjejaskan 'privilege' negara dalam pandangan global. Oleh itu mahkamah merumuskan sepatutnya dalam keadaan sedemikian hukuman penjara ke atas perayu bagi ketiga-tiga pertuduhan itu hendaklah berjalan 'consecutively' namun dek kerana kesalahan dilakukan oleh perayu di tarikh, waktu dan tempat yang sama — 'one transactions' maka mahkamah merumuskan perintah hukuman penjara oleh hakim mahkamah sesyen itu perlulah diberi pertimbangan semula agar ianya wajar, adil dan setimpal.

KEPUTUSAN

[55] Atas alasan-alasan tersebut maka mahkamah ini menolak rayuan perayu terhadap sabitan ke atas ketiga-tiga pertuduhan di bawah s 13 Akta Antipemerdagangan Orang 2007 tersebut.

[56] Namun begitu perintah hukuman hakim mahkamah sesyen ke atas perayu dengan sepuluh tahun penjara untuk pertuduhan pertama dan sepuluh tahun penjara bagi pertuduhan kedua dan ketiga yang dijalankan serentak selepas berakhirnya sepuluh tahun penjara bagi pertuduhan pertama itu dikaji semula dan sebaliknya mahkamah ini memerintahkan perayu ini dikenakan hukuman penjara sepuluh tahun dikekalkan bagi setiap pertuduhan pertama, kedua dan ketiga tetapi kesemuanya hendaklah berjalan serentak mulai tarikh keputusan iaitu 29 Desember 2011.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Ibnu Aswan